

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Malaysia (Mega Kampus)

Hari/Tarikh: 4/4/2016

Muka surat: 20 & 21

Tajuk : UNIMAS anjur APMMC ke-6



**SEBAHAGIAN** penyelidik dan akademia yang menyertai APMMC ke-6 bergambar kenangan selepas majlis perasmianya di UNIMAS, Sarawak, baru-baru ini.

**U**niversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan Pemasaran dan Pengurusan Asia Pasifik (APMMC) yang ke-6, anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), sebagai kesinambungan tradisi mempromosikan ekonomi dan perniagaan antara disiplin penyelidikan. Pada awalnya, persidangan ini dikenali sebagai Persidangan Pemasaran Asia-Pasifik, pertama kali dianjurkan di UNIMAS pada 2005. Sejak dari itu, persidangan ini dianjurkan setiap dua tahun dan persidangan kali ini adalah siri yang ke-6. Pada 2011, nama persidangan telah ditukar kepada namanya kini. Persidangan APMMC ini menjadi platform kepada ahli akademik, penyelidik, pengamal industri, pembuat dasar untuk berinteraksi dan bertukar pandangan dan hasil penyelidikan mengenai isu-isu semasa dalam bidang perniagaan dan ekonomi. Sejak beberapa tahun lepas, APMMC diiktiraf sebagai persidangan antarabangsa UNIMAS terkemuka khusus untuk

# UNIMAS anjur APMMC ke-6

Promosi penyelidikan dalam ekonomi, perniagaan

penyelidikan dalam bidang pemasaran, pengurusan, perniagaan dan ekonomi. Persidangan APMMC yang ke-6 ini telah diadakan di Pusat Islam Tun Salahuddin (PITAS) di UNIMAS, dari 16 hingga 18 Mac 2016. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Professor

Datuk Dr Mohamad Kadim Sa'aidi. Pengerusi persidangan ialah Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Dr Mahani Mohamad Abdu Shakur manakala Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Professor Madya Dr Rohaya Mohd Nor sebagai penasihat persidangan.

Persidangan ini telah menarik peserta dan penyelidik dari pelbagai latar belakang penyelidikan. Persidangan ini berfungsi sebagai forum dan platform untuk ahli akademik dan industri berkumpul dan menyebarkan penyelidikan semasa yang

berkaitan dengan tema persidangan "*The Dynamism of Sustainable and Responsible Marketing and Management in Asia Pacific Region*". Prosiding persidangan menghimpunkan koleksi lebih 50 sumbangan penyelidikan daripada pelbagai disiplin perniagaan, pemasaran, ekonomi dan kewangan. Terdapat empat sesi yang berjalan serentak mengikut tema yang berkaitan: strategi dan prestasi, jenama dan imej, demografi, budaya dan teknologi, kajian Islamik pemasaran dan perniagaan, kajian berasaskan personaliti, kajian berasaskan kualiti, ekonomi dan kewangan. Kertas kerja terbaik yang terpilih yang dibentangkan semasa persidangan akan dijemput untuk mengemukakan hasil kerja mereka bagi tujuan penerbitan yang akan di muatkan di dalam jurnal *International Journal of Business and Society (IJBS)* yang diindeks oleh SCOPUS.